

RAHSIA ALTCOIN

Panduan Asas 6 ALTCOIN Yang Terunggul

ESEI


eBook

Azizi Ali

MBA ChFC IFP

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.

Sertai program Inner Circle sekarang!



www.InnerCircle.my

Diterbitkan oleh True Wealth Sdn Bhd
Tel: 03-7805 4051
Emel: info.tw@MillionairesPlanet.com
Laman Web: www.RahsiaAltcoin.com

Hak cipta © 2020 oleh Azizi Ali

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Edisi Pertama

10 9 8 7 6 5 4 3 2
22 21 20

Buku ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum mengenai subjek yang dibincangkan. Ia tidak boleh dianggap sebagai mengandungi nasihat kewangan, pelaburan, sekuriti atau perakuan sekuriti.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai bagi individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk menghasilkan satu keputusan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa jua liabiliti, kerugian atas risiko, peribadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat, secara langsung atau tidak langsung.

AZIZI ALI

RAHSIA ALTCOIN

ESEI

**PANDUAN ASAS 6
CRYPTOCURRENCY TERPILIH**

KANDUNGAN

TOPIK	MUKASURAT
1. ADAKAH ALTCOIN PATUH-SYARIAH?	6
2. ADAKAH ALTCOIN SAH UNTUK DIGUNAKAN DI MALAYSIA?	12
3. MENGAPAKAH PULANGAN DARIPADA <i>CRYPTOCURRENCY</i> TINGGI MENGGUNUNG?	14
4. APAKAH CIRI-CIRI YANG BOLEH MENJADIKAN NILAI SESUATU <i>COIN</i> ITU MEROKET?	17
5. TIP-TIP UNTUK MENGELAKKAN DARIPADA TERJERUMUS DALAM <i>SCAM</i>	19
6. DUNIA ALTCOIN AMAT BERGELORA	24
7. JIKA ANDA MELABUR DALAM ALTCOIN	28
8. BERAPA BANYAK WANG YANG PATUT ANDA LABURKAN DALAM	31
9. BELAJAR MELABUR KETIKA ALTCOIN TIDAK POPULAR	33
10. JANGAN PINJAM WANG UNTUK MELABUR	34
11. JANGAN LABURKAN SEMUA WANG ANDA DALAM <i>CRYPTO</i>	35
12. PENUTUP	37
TENTANG PENULIS	40

1. ADAKAH ALTCOIN PATUH-SYARIAH?

Saya mulakan bahagian kedua *eBook* ini dengan menjawab soalan yang kritikal dan panas: Adakah Altcoin patuh-syariah?

Sepertimana ramai orang lain, saya juga mahukan kepastiannya. Dan walaupun saya seorang Islamic Financial Planner (IFP), saya bertanya kepada beberapa orang pakar yang terkenal kerana ilmu kewangan Islamik mereka tentang status patuh-syariah Altcoin di Malaysia. Saya bertanya, “Adakah fatwa tentang Altcoin telah diterbitkan di Malaysia?”

Mereka semuanya menjawab tidak. Malah, saya juga tidak menemui apa-apa fatwa tentang Altcoin dalam carian saya di internet. Apa yang ada ialah fatwa tentang Bitcoin yang diterbitkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2014.

Berikut ialah fatwa tersebut:

‘Bitcoin merupakan satu bentuk mata wang digital (*digital currency*) yang mula diperkenalkan sekitar tahun 2008 oleh penciptanya, Satoshi Nakamoto. Satu kertas ditulis dan disebar di Internet pada November 2008 dengan tajuk, “*Bitcoin: A Peer-to-Peer Electronic Cash System*”. Kemudian, pada Januari 2009, rangkaian Bitcoin mula dilancarkan.

Berbeza dengan mata wang kertas, Bitcoin ialah mata wang elektronik sepenuhnya yang tidak datang dalam bentuk fizikal. Bitcoin juga tidak dikawal selia oleh mana-mana badan atau institusi sebagaimana kebiasaan mata wang-mata wang lain. Disebabkan tiada kawalan daripada mana-mana badan berautoriti, banyak transaksi Bitcoin yang dijalankan oleh pengguna gagal yang menyebabkan kerugian terhadap pengguna. Satu kajian menunjukkan 40 peratus daripada transaksi pertukaran Bitcoin tidak berjaya dan membawa kerugian kepada penggunanya.

Dari perspektif syariah pula, beberapa perkara perlu diambil perhatian berkenaan penggunaan Bitcoin sebagai mata wang. Kita boleh melihat penggunaan Bitcoin dari sudut hukum fiqah dan juga dari sudut ekonomi Islam. Dari sudut hukum fiqah, Bitcoin ialah mata wang yang tidak datang dalam bentuk fizikal, justeru qabd (*possession*) kepada mata wang ini hanya berlaku secara hukmi sahaja dan tidak akan berlaku secara fizikal. Hukum-hukum qabd hukmi (*constructive possession*) hendaklah dipatuhi, contohnya selepas berlaku qabd, maka tanggungan akan bertukar tangan, dan penerima mempunyai hak sepenuhnya untuk menggunakan Bitcoin yang diperolehnya.

Sebagai suatu mata wang, ia terikat dengan hukum-hakam *al-Sarf*, jika sekiranya ia melibatkan pertukaran mata wang dengan mata wang atau pembelian *item* ribawi seperti emas dan perak. Sekiranya pembelian dengan Bitcoin melibatkan *item* ribawi seperti emas, maka pembayaran hendaklah dilakukan *on the spot* ketika transaksi jual beli.

Begitu juga jika transaksi melibatkan pertukaran antara Bitcoin dengan mata wang lain, maka hendaklah dilakukan tanpa ada sebarang penangguhan.

Dari sudut ekonomi Islam pula, walaupun Bitcoin dikatakan sebagai satu mata wang tetapi ia sebenarnya tidak berasaskan kepada apa-apa aset sebagai dasar. Justeru ia begitu terdedah kepada spekulasi. Kerana itu harga satu unit Bitcoin boleh naik secara mendadak dari tahun ke tahun. Pada 2010, satu unit Bitcoin bernilai \$0.01. Kini pada tahun 2014, satu unit Bitcoin adalah bernilai melebihi \$550. Begitu juga pada awal tahun 2011, kenaikan nilai Bitcoin dalam sehari direkodkan antara 5 peratus-10 peratus. Dan begitu juga sebaliknya ia boleh turun secara mendadak. Dari perspektif ekonomi Islam, antara ciri-ciri mata wang ialah suatu yang nilainya stabil dan boleh dijadikan ukuran untuk aset-aset lain.

Kesimpulannya, dari sudut ekonomi Islam Bitcoin tidak sesuai dijadikan mata wang kerana boleh dimasuki unsur spekulasi yang melampau. Nilainya juga tidak stabil dan boleh naik secara mendadak. Ia juga tidak dikawal oleh mana-mana badan berautoriti.

Wallahu A'lam.'

Berikut pula ialah fatwa yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis pada 6 Disember 2018.

'Bitcoin yang dicipta oleh Satoshi Nakamoto dibentuk dengan objektif menyediakan suatu perantara pembayaran yang menawarkan kemudahan alternatif '*peer to peer electronic cash system*' yang membolehkan pemilik unit-unit Bitcoin memindahkan pemilikan unitnya kepada pihak lain sebagai bayaran bagi khidmat, pembelian aset atau kiriman wang (*remittance*) dengan lebih pantas, murah dan mudah tanpa perlu melalui medium institusi kewangan. Ia juga boleh mengelakkan caj perkhidmatan kewangan yang tinggi dan menambah baik integriti setiap pemindahan tersebut hasil penggunaan teknologi anti-godam *blockchain* dan '*distributed ledger*' melalui ekosistem yang telah berfungsi.

Selain itu, Bitcoin juga didagangkan di pasaran *crypto* pemilikan swasta tanpa sebarang kawal selia oleh mana-mana negara, yang mana permintaan dan penawaran melalui platform perdagangan tersebut menjadikan nilai Bitcoin naik dan turun malah adakalanya

kadar turun dan naiknya berada pada tahap yang sangat tinggi berbeza dengan kadar kebiasaan bagi instrumen pelaburan sedia ada yang lain.

Dalam penentuan hukum Bitcoin, terdapat banyak perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama dalam menentukan klasifikasi, sifat dan status Bitcoin dari sudut kesahihan nilai dan pengiktirafannya sebagai harta bernilai (*Mal Mutaqawwam*). Selain itu, perbezaan seterusnya dalam kalangan para ulama adalah dalam menentukan hukum bertransaksi dengan Bitcoin yang merangkumi proses berdagang (menjual & membeli), menyimpan dan menggunakannya serta kewajiban zakat ke atasnya.

Setelah mendengar pembentangan dari pihak yang berpengetahuan dan berpengalaman dari sudut teknikal, pihak kami berpandangan seperti berikut:

1. Sifat dan kesahihan nilai harta pada Bitcoin: Ianya sah dan boleh diiktiraf sebagai punyai nilai harta berdasarkan sifat '*multi-function and benefit*' yang diperoleh oleh pemilik Bitcoin. Antara faedah atau manfaat yang dimaksudkan adalah:

- Akses kepada ekosistem lengkap yang membolehkan pemindahan milik dilaksanakan dengan selamat dan tepat.
- Kebolehan untuk disimpan dan dipindah milik kepada pihak lain dengan mudah, pantas dan murah.
- Kebolehan ia untuk didagangkan di pasaran *crypto* terbuka.
- Penerimaan sesetengah pihak terhadapnya sebagai perantara pembayaran.
- Penggunaan teknologi *blockchain* yang menambah ciri ketelusan, keselamatan Bitcoin serta nilainya.

Justeru, Bitcoin boleh disifatkan sebagai aset digital dalam bentuk yang unik serta mempunyai pelbagai manfaat tersendiri yang harus (*mubah*) khususnya bagi komuniti yang tahu mengguna dan memanfaatkannya.

Bitcoin pada ketika ini juga dianggap tidak mencukupi syarat bagi klasifikasi mata wang, maka ia tidak boleh dianggap sebagai mata wang serta tidak terpakai ke atasnya garis panduan hukum Sarf.

2. Harus bertransaksi dengan Bitcoin sebagai perantara pembayaran, pemindahan wang, aset simpanan dan berdagang dengannya. Namun hendaklah mengambil kira apa yang disebutkan dalam perkara lima (5) di bawah.

3. Disebabkan Bitcoin diiktiraf sebagai aset bernilai, maka setiap pemilikan yang melebihi nilai 85 gram emas serta cukup tempoh pemilikan selama satu tahun, wajib ke atas pemilik Bitcoin untuk membayar zakat harta sebanyak 2.5% daripada nilai semasa Bitcoin tersebut.

4. Mereka yang ingin menggunakan Bitcoin juga wajib memahami selok-belok penggunaan Bitcoin. Ini penting bagi mengelakkan elemen gharar sewaktu menggunakannya. Selain itu, pihak terbabit juga mesti terlebih dahulu memahami tahap tinggi risiko-risiko yang berkait dengan transaksi Bitcoin.

5. Hukum penggunaan Bitcoin boleh berubah menjadi HARAM atau ditegah disebabkan beberapa faktor luaran seperti:

- Apabila diharamkan penggunaannya oleh kerajaan ketika itu ia juga menjadi haram dari segi hukum Syariah atas dasar kemaslahatan awam dan mengelak mudarat menurut penilaian oleh pihak *ulil amri*.
- Apabila menyertai SKIM Bitcoin melalui skim cepat kaya anjuran orang tengah atau syarikat pengantara yang menjanjikan keuntungan tetap atau lumayan. Ini adalah HARAM dari sudut syariah dan juga undang-undang setempat. Inilah yang menyebabkan ada yang membeli Bitcoin melalui akaun yang dimiliki syarikat seperti itu lalu berlakunya penipuan.

Diperakukan dalam Mesyuarat
Majlis Agama Islam dan
Adat Istiadat Melayu Perlis
Bil 6/2018 pada 6 Disember 2018.'

Jadi rumusan kedua fatwa ini ialah Bitcoin tidak boleh dianggap sebagai mata wang di Malaysia buat masa ini.

Dalam masa yang sama, fatwa negeri Perlis berpendapat yang ianya harus jika digunakan sebagai aset bernilai (bersyarat) sementara situasi ini tidak disentuh oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Jadi itulah fatwa tentang Bitcoin.

Tetapi sepertimana kita semua maklum, Altcoin bukan Bitcoin. Malah, perbezaan di antara kedua-duanya begitu besar dan ketara sehinggakan persamaannya mungkin tinggal mereka produk digital sahaja! Dan untuk menambahkan komplikasinya, Altcoin pun mempunyai banyak perbezaan yang ketara di antara mereka (jangan lupa yang terdapat

lebih 5,400 Altcoin semasa anda membaca buku ini)! Sebagai contoh, ada Altcoin yang nilainya kekal *stable* sementara nilai banyak yang lain naik turun bagaikan kuda mabuk.

Jadi situasinya sekarang begini:

- (a) fatwa tentang Altcoin belum diterbitkan lagi di Malaysia.
- (b) apabila ianya diterbitkan, fatwa tersebut mestilah khusus untuk Altcoin tersebut.

“Jadi apa yang kita nak buat sekarang, tuan?” Anda mungkin bertanya.

Jawapannya adalah seperti berikut.

Dalam Islam, hukum dalam isu-isu yang berkaitan ibadat adalah senang – semuanya haram sehingga bukti nyata diberikan membuktikan sebaliknya, barulah ianya menjadi halal.

Hukum dalam muamalat pula adalah sebaliknya: *semuanya adalah dibenarkan sehingga bukti nyata diberikan membuktikan sebaliknya, barulah ianya menjadi haram.*

Dan dalam muamalat, kontrak:

- a) Tidak boleh melibatkan alkohol atau mana-mana produk yang haram.
- b) Tidak boleh melibatkan riba.
- c) Tidak boleh melibatkan judi (*maisir*).
- d) Tidak boleh melibatkan *gharar fahish* (*excessive uncertainty*) (*gharar yasir* atau *minor uncertainty* dibenarkan).

Jadi oleh sebab ketiadaan fatwa tentang Altcoin lagi buat masa ini, kita mempunyai dua pilihan.

Pilihan yang pertama adalah senang – kita boleh berinteraksi dengan semua Altcoin tanpa was-was kerana ketiadaan fatwa tentangnya dan kerana semuanya dibenarkan dalam muamalat sehingga bukti nyata diberikan membuktikan ianya tidak patuh-syariah.

Pilihan yang kedua adalah untuk kita membuat penilaian sendiri bagi setiap Altcoin yang anda hendak berinteraksi itu. Sebagai contoh, anda nak beli Ethereum. Jadi tanya diri sendiri empat soalan berikut:

- a) Adakah Ethereum melibatkan alkohol atau mana-mana produk yang haram?
- b) Adakah Ethereum melibatkan riba?
- c) Adakah Ethereum melibatkan judi?
- d) Adakah Ethereum melibatkan *gharar fahish*?

Setakat pemahaman saya, jawapan untuk keempat-empat soalan di atas adalah tidak. Oleh sebab itu, saya berpendapat yang kita bolehlah menjual beli Ethereum kerana ia adalah patuh-syariah.

“Jadi jawapan yang mana satu saya nak pilih ni, tuan?” Ini mungkin soalan susulan anda.

Your choice!

Pilihlah jawapan yang masuk akal kepada anda.

Saya perlu memberi penjelasan yang jawapan-jawapan ini berasaskan ilmu, penyelidikan dan pemahaman saya sebagai seorang Islamic Financial Planner. Jika saya tersilap, sila betulkan, ya?

Dan untuk menjelaskan situasinya dengan jelas (!), soalan-soalan di atas hanya bertanyakan akan status patuh-syariahnya, bukan sama ada pelaburan itu bagus atau tidak! Jika anda tidak tahu, terdapat banyak pelaburan yang patuh-syariah (contohnya dana unit amanah tertentu dan juga saham-saham tertentu) tetapi pulangnya tidak begitu menyerlah. Jadi anda tidak perlulah melabur dalam pelaburan-pelaburan tersebut walaupun mereka patuh-syariah.

2. ADAKAH ALTCOIN SAH UNTUK DIGUNAKAN DI MALAYSIA?

Kebanyakan negara ‘membenarkan’ *cryptocurrency* beroperasi di negara tersebut. ‘Kebenaran’ ini datang dalam bentuk ianya ‘tidak diharamkan’! Sebagai contoh, *cryptocurrency* dibenarkan beroperasi di Jepun, Malta, Switzerland, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Perancis, Singapura dan Australia.

Ada juga negara yang telah mengharamkan dan/atau menyekat penggunaan *cryptocurrency*. Negara tersebut termasuklah Afganistan, Pakistan, Algeria, Arab Saudi, Indonesia, India dan juga China. (Sila ambil perhatian yang situasinya akan berubah dari semasa ke semasa. Jadi periksa di internet untuk situasi yang terkini.)

Bagaimana pula situasinya di Malaysia? Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan kenyataan berikut pada 2 Januari 2014:

‘The Bitcoin is not recognised as legal tender in Malaysia. The Central Bank does not regulate the operations of Bitcoin. The public is therefore advised to be cautious of the risks associated with the usage of such digital currency.’

Bank Negara Malaysia
2 Januari 2014

Jadi kenyataan ini berkata yang:

- (a) Bitcoin tidak sah diterima sebagai mata wang di Malaysia.
- (b) BNM tidak mengawal selia Bitcoin.
- (c) Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati akan risiko yang terbabit dalam Bitcoin.

Jadi *reading between the lines*, Bitcoin tidak diharamkan. Jika hendak guna, boleh, tetapi anda tanggung semua risikonya sendiri!

Walaupun tidak ada kenyataan khusus daripada BNM yang menyentuh Altcoin secara amnya ataupun mana-mana Altcoin tertentu, kita boleh membuat andaian yang situasi yang sama juga diguna pakai untuk Altcoin, yakni ianya tidak mempunyai status *legal tender* di Malaysia and ianya tidak di kawal selia oleh BNM.

Oleh sebab itu, jawapan yang sama juga boleh diguna pakai untuk Altcoin iaitu anda boleh menggunakannya tetapi tanggung semua risikonya sendiri!

Sekarang saya ingin menerangkan sikit tentang status ‘tidak *legal tender*’ kerana ada orang yang melompat setelah membaca bahagian ‘tidak *legal tender*’ itu.

Tidak *legal tender* tidak bermaksud *illegal*!

Maksud tidak *legal tender* itu adalah ianya bukan mata wang resmi sesuatu negara. Sebagai contoh, Dolar Amerika, Dolar Singapura, Yen dan Renminbi juga tidak *legal tender* di Malaysia. Mana-mana pekedai di Malaysia boleh menolak jika anda hendak membuat bayaran menggunakan mana-mana mata wang di atas. Tetapi jika pekedai itu sanggup menerima mata wang tersebut, ianya tidak menjadi kesalahan. Anda berdua tidak menyalahi mana-mana undang-undang Malaysia. Tidak ada siapa yang akan datang menangkap anda atau pekedai tersebut kerana berinteraksi dalam mata wang asing. Itu urusan peribadi di antara anda dan pekedai tersebut.

Jadi anda tidak perlu berasa bersalah atau janggal untuk menggunakan *cryptocurrency* di mana-mana tempat di Malaysia. Jika parti yang satu lagi sanggup menerimanya, semuanya jalan!

Maklumlah, Malaysia boleh!

3. MENGAPAKAH PULANGAN DARIPADA *CRYPTOCURRENCY* TINGGI MENGGUNUNG?

Saya telah menulis yang pulangan daripada *cryptocurrency* amat tinggi sekali, malah hingga tahap menggunung dan meroket! Ada *cryptocurrency* yang telah memberikan pulangan 1,000%, 3,000% dan malah 8,000% dalam masa setahun! Contohnya Ripple memberikan pulangan 3,415%, Ethereum memberikan pulangan 4,279% dan NEM memberikan pulangan 8,662% di tahun 2017 sahaja! Pulangan begini adalah gila!



Grafik 3.1: Pulangan NEM pada tahun 2017

Jika anda kurang arif tentang pulangan daripada pelaburan (ROI), pulangan sebegini adalah sangat, *super* dan ekstra tinggi! Ini adalah kerana jika kita boleh mendapatkan pulangan 15% setahun daripada mana-mana pelaburan, itu sudah dikira amat bagus sekali. Malah ini seperti menang loteri! (Sila ambil perhatian yang saya guna istilah ‘menang loteri’ di sini sebagai pembayang cerita sahaja, ya? Saya tak suruh anda beli loteri! Haram!) Jadi ROI yang masuk ribuan peratus ini sudah kira tahap dewalah! Malah ianya mengalahkan ROI yang diberikan oleh banyak *scam*!

Jadi bagaimana dan mengapa *cryptocurrency* boleh memberikan ROI yang begitu tinggi?

Jawapannya adalah kerana *cryptocurrency* merupakan aset pertama dalam sejarah dunia yang boleh disertai oleh semua manusia di dunia ini. Ya, semua manusia di dunia ini boleh turut serta dan melabur dalam *cryptocurrency*. Syaratnya hanyalah dua:

- (a) wang (sudah tentu).
- (b) akses internet.

Tidak ada syarat lain. Tidak kira rupa, bangsa, agama, jantina dan kerakyatan – semuanya boleh melabur dalam *cryptocurrency*.

Jika anda tidak tahu, boleh dikatakan semua pelaburan yang lain – saham, unit amanah, emas, perak dan sebagainya – mempunyai banyak sekatan. Sebagai contoh, rakyat Malaysia tidak boleh beli banyak saham di bursa saham di Amerika Syarikat. Kita juga tidak boleh membeli banyak *mutual fund* yang berpangkalan di negara itu. Dan situasi yang sama juga berlaku sebaliknya. Rakyat Amerika tidak boleh melabur dalam ASB atau Tabung Haji! Malah situasi ini bukan terhad kepada rakyat Amerika sahaja; ianya diguna pakai untuk semua rakyat di negara asing – mereka tidak dibenarkan melabur dalam ASB atau Tabung Haji.

Situasi ini boleh diguna pakai untuk kebanyakan pelaburan yang lain. Kebanyakannya mempunyai had dan/atau sekatan tertentu. Dan had atau sekatan ini bermakna hanya segelintir manusia sahaja yang boleh melabur dalam pelaburan tersebut. Ini bermakna permintaan yang terhad. Yang seterusnya bermakna ROI yang terhad juga.

Tetapi oleh sebab kita semua boleh melabur dalam *cryptocurrency*, ini bermakna potensi jumlah pelaburnya melebihi 7.7 bilion! Dan jika kita tolak 6.7 bilion penduduk dunia (kerana mereka masih kecil atau sakit atau tidak berupaya atau tinggal di pendalaman), potensi jumlah pelaburnya masih 1 bilion!

Dan sepertimana anda tahu, permintaan yang tinggi membawa kepada nilai yang tinggi! Itulah sebabnya mengapa ROI daripada *cryptocurrency* boleh naik menggunung.

Dalam masa yang sama, saya juga perlu mengingatkan anda, walaupun ada *cryptocurrency* yang telah memberikan pulangan yang menggunung ini, kebanyakannya (lebih daripada 80%!) akan merugikan anda sahaja! Jadi sebelum membuat pelaburan tu, dapatkan ilmunya sebanyak mungkin supaya anda dapat mengenal pasti yang mana satu intan dan yang mana satu kaca.

Jika tidak, ketika orang lain tersenyum lebar mendapat pulangan 1,000%, anda menangis darah kerana terjebak dalam *coin scam*. Jika anda ingat (sebab saya sudah menceritakannya di Bab 26!), kes ini betul-betul berlaku kepada seorang kenalan saya yang telah melabur dalam Foin. Nilai Foin naik melebihi \$3,000 sebelum jatuh menjunam di bawah \$1 semasa saya menulis buku ini! Ya, jatuh dari \$3,000+ ke \$1!

Teruskan bacaan anda untuk mengetahui ciri-ciri yang boleh menjadikan nilai sesuatu *coin* itu meroket di Bab yang berikut.

4. APAKAH CIRI-CIRI YANG BOLEH MENJADIKAN NILAI SESUATU COIN ITU MEROKET?

Kita menuju terus kepada jawapan soalan bagi di atas.

Berikut adalah antara ciri-ciri yang boleh menjadikan nilai sesuatu *coin* itu meroket:

- **Objektifnya**

Ciri yang pertama sudah tentu objektif *coin* tersebut. Objektif atau tujuan *coin* itu diterbitkan perlulah memberi kebaikan atau kelebihan yang ketara kepada pengguna. Sebagai contoh, Litecoin yang merupakan salah satu Altcoin yang terawal (diterbitkan pada bulan October 2011) dicipta untuk mempercepatkan transaksi jika dibandingkan dengan Bitcoin. Masa untuk memproseskan blok di Litecoin hanyalah 2.5 minit berbanding dengan 10 minit di Bitcoin. Kelajuan ini menjadikan Litecoin agak popular walaupun ia masih menggunakan sistem POW.

Ethereum pula diterbitkan untuk memberi peluang kepada pengguna menggunakan teknologi *blockchain* untuk membina dApps. Dan walaupun ianya bukan bertujuan untuk menjadi mata wang, nilai Ether telah boom kerana ianya amat popular. Malah, seperti yang diceritakan sebelum ini, nilai token yang menggunakan ERC-20 di Ethereum melebihi 90% daripada nilai pasaran *cryptocurrency* pada suatu ketika.

- **Teknologinya**

Oleh sebab Altcoin bersaing antara satu dengan lain, satu tentu *coin* yang mempunyai teknologi yang lebih canggih akan mempunyai kelebihan dan seterusnya menjadi lebih menarik kepada pelabur. Sebagai contoh, mana-mana *coin* yang masih menggunakan sistem POW sudah hampir ketinggalan zaman! Malah, mungkin hanya Bitcoin (yang menggunakan sistem POW) yang akan kekal menjadi idaman ramai; *coin* POW yang lain akan di bawa angin lalu kerana pelabur akan lebih cenderung kepada *coin* menggunakan sistem POS dan DPOS.

Dan sepertimana yang anda sudah maklum, kini sudah wujud teknologi yang lebih baik dan canggih daripada sistem POS dan DPOS iaitu Platform Generasi Ketiga (PGK). Besar kemungkinan *coin-coin* yang menggunakan PGK ini akan menjadi lebih popular pada masa depan.

- **Penyokong utamanya**

Altcoin yang mempunyai penyokong-penyokong yang besar, yang ternama dan yang gah sudah tentu akan mempunyai kelebihan. Sebagai contoh, mana-mana Altcoin yang diterima oleh Microsoft atau Apple atau Dell akan menjadi lebih menarik kepada pelabur jika dibandingkan dengan *coin* yang tidak diterima oleh ketiga-tiga syarikat tadi. Dan sudah tentu *coin* yang disokong oleh kerajaan negara tertentu pun akan mempunyai kelebihan.

- **Personaliti atasannya**

Personaliti atasannya juga memainkan peranan yang amat penting dalam dunia *crypto*. Sebagai contoh, Binance coin (BNB) mempunyai kelebihan kerana CEO syarikat tersebut ialah Changpeng Zhao yang lebih dikenali sebagai CZ. CZ adalah salah seorang daripada personaliti yang terunggul dalam dunia *crypto*. Jadi mana-mana *coin* atau projek yang disentuhnya selalunya akan meroket.

- **Marketingnya**

Walaupun *marketing* – usaha-usaha promosi, kehadiran di media massa dan sebagainya – berada di tempat terakhir dalam senarai ini, ianya sama penting dengan ciri-ciri yang lain. Malah, *marketing* amat kritikal dalam dunia *crypto* yang tanpanya, susah untuk mana-mana *coin* menjadi popular walaupun mereka mempunyai semua ciri-ciri di atas. Sebagai contoh, walaupun Elastos (ELA) mempunyai objektif yang mulia dan teknologi yang canggih tetapi ianya tidak begitu popular kerana tidak banyak usaha *marketing* dilakukan oleh pihak pengurusan. Situasi sebaliknya berlaku kepada beberapa *coin* lain; walaupun mereka mempunyai beberapa kekurangan tetapi oleh sebab *marketing* yang hebat, nilai *coin* tersebut adalah lebih tinggi daripada kebanyakan *coin* lain.

5. TIP-TIP UNTUK MENGELOKKAN DARIPADA TERJERUMUS DALAM SCAM

Berikut adalah salah satu ayat yang sering saya ingatkan kepada klien-klien saya: *setiap situasi yang memberikan peluang untuk kita menjana wang besar juga memberikan peluang untuk kita menanggung kerugian besar!*

Dan ayat ini memang diguna pakai dalam dunia *cryptocurrency*!

Sepertimana yang anda sudah tahu, Bitcoin telah memberikan pulangan beribu-ribu peratus kepada pelabur-pelabur awalnya. Nilainya telah naik dari kosong pada tahun 2009 ke \$20,000 pada bulan Disember tahun 2017! Sebenarnya, pulangan ini ialah pulangan infiniti sebab modal permulaannya adalah kosong. Tetapi untuk memberikan angka, pulangannya ialah 200,000,000% atau 513% setahun (dengan kiraan modal permulaannya ialah \$0.01)!

Banyak *coin* dan token yang lain telah memberikan pulangan yang sama hebat – setinggi ratusan ribu peratus! Sebagai contoh, IOTA memberikan pulangan 614,934% sementara NXT memberikan pulangan melebihi 500,000% kepada pelabur-pelaburnya setelah mereka dilancarkan pada tahun 2017. Tahap pulangan semua *cryptocurrency* ini bukan sahaja tinggi menggunung tetapi sudah meroket ke angkasa!

Jadi ianya tidaklah menghairankan yang pulangan yang meroket ke angkasa ini telah menarik perhatian para jin dan jembalang berkaki dua. Mereka muncul di dalam dunia *cryptocurrency*, melancarkan ICO sendiri, dan telah mengutip wang yang masuk beratus-ratus juta Dolar! Dan kerana ramai peserta dalam dunia *cryptocurrency* ini masih mentah, masih keliru, kurang ilmu serta dinodai dengan perasaan tamak (empat kombinasi yang amat menjahanamkan), ianya menjadi amat mudah bagi jin dan jembalang untuk beroperasi dengan jayanya di sini.

Berikut adalah lima tip yang boleh menolong anda agar tidak terjerumus dalam *scam* dan pelaburan yang mencurigakan dalam dunia *cryptocurrency*:

- **Personaliti pasukan pentadbiran**

Poin yang paling sekali dan malah kritikal ialah personaliti pengasas, pasukan pentadbiran dan *developer* token tersebut.

Dunia *cryptocurrency* ini dikuasai oleh nama-nama besar seperti Vitalik Buterin (pengasas Ethereum), Changpeng Zhao (CEO Binance), Charlie Lee (pengasas Litecoin) dan abang beliau Bobby Lee (pengasas *exchange* BTC China). Kewujudan

nama-nama besar ini dalam sesuatu projek *cryptocurrency* yang baru selalunya akan membuatkan *cryptocurrency* itu meletup. Oleh kerana inilah situasinya, maka para *scammer* kadangkala mencipta identiti pengasas, siap dengan profil yang amat gah sekali (mungkin siap dengan PhD) – malangnya semua itu adalah palsu belaka!

Ini bermakna yang anda perlulah menyiasat dengan teliti semua maklumat tentang pengasas dan pasukan pentadbiran serta *developer* token tersebut. Jika tidak ada maklumat atau terlalu sedikit maklumat tentang seseorang individu selain daripada apa yang tertera dalam laman web projek tersebut, besar kemungkinan orang itu tidak wujud!

Sudah tentu juga kewujudan maklumat negatif tentang seorang dua daripada pasukan pentadbiran/*developer* (contohnya mereka pernah terlibat dalam *scam* sebelum ini), merupakan petanda buruk dan menjadi amaran untuk anda menjauhkan diri daripada token tersebut!

Di samping menentukan identiti mereka adalah benar, anda juga perlu menilai kualiti pasukan pasukan pentadbiran/*developer* tersebut. Adakah mereka mempunyai kelayakan dan pengalaman yang mereka tuntut? Dan adakah ia relevan dengan projek ICO tersebut? Sebagai contoh, si pengasas mungkin pemegang PhD tetapi jika tesis beliau adalah tentang geografi, beliau mungkin bukan merupakan calon yang terbaik untuk mengetuai sesuatu projek ICO.

Semua ini adalah amat kritikal sekali. Begitu kritikal sehinggakan saya tidak akan melabur dalam mana-mana projek yang melibatkan individu yang mempunyai sejarah hitam (contohnya dia pernah terlibat dalam *scam* satu masa dulu). Jadi saya akan menjauhkan diri tidak kiralah bagaimana hebat sekalipun projek ICO yang baru ini.

Mengapa?

Jawapannya adalah kerana saya tahu individu ini akan menipu lagi pada masa depan. Situasi akan timbul di mana dia akan menipu lagi. *They cannot help it; it's in their DNA!* Dan saya tidak ingin menjadi mangsa penipuan. Jika ada orang yang mahu mempertahankan mereka ini dengan alasan, “Itu dulu, sekarang dia sudah sedar dan berubah”, saya ucapkan, “Itu amat bagus. Awak sahajalah yang melabur dengan dia; saya tak nak!”

- **Pelajari *whitepaper* dengan teliti**

Whitepaper merupakan dokumen asas sesuatu projek ICO atau *cryptocurrency*. Jadi *whitepaper* itu perlulah menjelaskan semuanya dengan sejelas-jelasnya! Maklumat ini termasuklah latar belakang, objektif, strategi, kelebihan, kekurangan dan garis masa pelaksanaan ICO tersebut.

Jadi jika maklumat-maklumat dalam *whitepaper* itu kurang jelas atau tidak disebut langsung, maka anda perlulah berhati-hati. Malah, kewujudan banyak kesilapan tatabahasa dan kesalahan ejaan dalam *whitepaper* tersebut pun sudah cukup untuk memberi amaran awal yang ada benda yang tidak kena dengan projek tersebut. (Sesiapa yang memberi alasan yang salah eja dalam *whitepaper* ialah perkara enteng merupakan mereka yang terlibat secara langsung dalam projek tersebut! Adakah anda fikir syarikat Apple, Google, Microsoft, Petronas, Toyota atau Samsung akan membiarkan kesalahan ejaan dalam mana-mana dokumen syarikat mereka? Apatah lagi dokumen yang sepenting *whitepaper*?)

Dalam masa yang sama, *whitepaper* yang amat canggih pun menimbulkan syak wasangka juga! Ini adalah kerana si pengasas mungkin menceduk atau meniru bulat-bulat *whitepaper* projek ICO yang lain! Satu contoh di sini ialah projek ICO Plexcoin. *Whitepaper* projek Plexcoin begitu canggih sehinggakan pengasasnya Dominic Lacroix berjaya mengutip dana bernilai lebih \$8 juta sebelum kutipan projek itu dihentikan oleh pihak US Securities and Exchange Commission (SEC) pada bulan Disember 2017. SEC mendedahkan yang Lacroix telah menggunakan dana yang dikutip daripada ICO untuk perbelanjaan peribadi serta mendakwa beliau mengeluarkan kenyataan palsu dan mengelirukan.

Jadi ini juga bermakna mana-mana projek yang tidak mempunyai *whitepaper* harus dielakkan sepertimana kita mengelakkan diri daripada ular sendok, kesesakan lalu lintas dan mereka yang badannya berbau!

- **Jejaki penjualan token**

Sepertimana yang anda tahu, tujuan setiap projek ICO adalah untuk mengutip dana untuk melancarkan token yang baru. Syarikat dan organisasi yang sah akan membuatkan proses ini jelas dan telus dan semuanya nampak nyata. Mereka akan mendedahkan status penjualan token semasa ICO itu sedang berlangsung supaya mereka yang berminat (contohnya anda!) boleh menjejaki status penjualan tersebut dari semasa ke semasa.

Jika syarikat menyembunyikan atau membuatkan susah untuk pelabur menjejaki maklumat ini, ini juga petanda buruk tentang projek tersebut.

- **Kenal pasti kelebihan token**

Anda perlu ingat yang terdapat lebih 5,400 *cryptocurrency* semasa anda membaca buku ini. Dan jumlah ini hanya akan bertambah pada masa depan. Kita tidak perlu membuat kajian untuk mengetahui yang tidak semua *cryptocurrency* ini akan berjaya. Malah kita boleh membuat andaian yang kebanyakannya – mungkin setinggi 80% – akan gagal!

Oleh sebab inilah situasinya, *cryptocurrency* dan ICO yang mempunyai peluang terbaik untuk berjaya adalah mereka yang mempunyai struktur asas untuk mengatasi pesaing mereka. *Cryptocurrency* itu patut mempunyai konsep yang menggembirakan bukan sahaja untuk hari ini tetapi juga pada masa hadapan. Ianya perlu mempunyai kelebihan – lebih banyak lebih bagus – jika dibandingkan dengan pesaing mereka.

Anda juga perlu ingat yang terdapat banyak kes *cryptocurrency* yang dulunya dilancarkan dengan penuh gah, hari ini sudah kurang menyerlah. Masuk ke tahap hidup segan mati tak mahu. Satu contohnya ialah IOTA yang dulunya nilainya naik setinggi \$5.69 tapi kini bernilai hanya \$0.27 waktu buku ini ditulis.

- **Bergerak dengan berhati-hati**

Poin yang terakhir tetapi tidak kurang pentingnya ialah anda perlu bergerak dengan berhati-hati di dalam dunia *cryptocurrency* ini. Anda perlu ingat yang dunia ini masih muda remaja, serta penuh dengan cabaran dan pancaroba – sesetengahnya belum pernah kita hadapi sebelum ini. Jadi ‘berhati-hati’ ialah kata kuncinya.

Pulangan yang tinggi menggunung dan peluang untuk menjana wang besar dengan cepat melalui projek-projek ICO memang amat menggoda dan boleh menarik perhatian pelabur yang amat berpengalaman, apatah lagi pelabur baru. Jadi anda perlulah melangkah dengan berhati-hati. Mana-mana projek yang nampak amat menyerlah mungkin hanyalah satu *mirage*.

Luangkan masa untuk meneliti semua maklumat tentang sesuatu ICO atau Altcoin. Periksa dan periksa lagi semuanya. Buat andaian yang ketiadaan maklumat penting mungkin merupakan percubaan untuk menyembunyikan konsep yang lemah yang boleh menggagalkan ICO tersebut.

Ianya kritikal untuk anda mengesahkan kesahihan sesuatu projek dengan sumber-sumber luar dan tidak bergantung kepada pengasas dan ejen-ejen projek semata. Ini adalah kerana pengasas dan ejen-ejen akan menceritakan semua yang baik dan yang hebat sahaja! *Coin/token* itu yang terbaiklah, akan mengubah dunialah, menggunakan teknologi yang paling canggihlah, itulah, inilah. Yang negatif dan buruk dia tidak akan cerita. Jadi inilah kes klasik '*buyer beware*'!

Jadi rumusannya, dunia *cryptocurrency* dan ICO menawarkan peluang yang luar biasa bagi para pelabur yang berilmu dan yang telah melakukan kajian. Dalam masa yang sama, ianya juga mempunyai perangkap yang boleh mengakibatkan kerugian yang amat luar biasa, terutamanya kepada mereka yang kurang ilmu dan mereka malas membuat kajian. Perangkap tersebut termasuklah penipuan, *scam* dan bahkan model perniagaan/pelaburan yang sah tetapi lemah.

Jadi lagi sekali, berhati-hatilah di sini, duhai temanku!

6. DUNIA ALTCOIN AMAT BERGELORA

Saya ingin berkongsi dua ciri penting tentang Altcoin di sini.

Ciri pertama yang anda perlu tahu ialah dunia Altcoin ini amat bergelora. Ia boleh berubah dengan cepat dan nilai boleh naik turun dengan mendadak. Walaupun gelora itu tidak berlaku setiap hari, ianya tetap wujud dan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja.

Untuk membuktikan kata-kata saya ini, lihat sahaja grafik-grafik berikut:

Historical Snapshot - 25 May 2013

Market Cap: Price: Volume (24h):

USD ← Previous Week Next Week → View All

#	Name	Symbol	Market Cap	Price	Circulating Supply	% 1h	% 24h	% 7d	...
1	Bitcoin	BTC	\$1,495,292,967	\$133.48	11,202,375 BTC	-1.16%	1.74%	8.61%	...
2	Litecoin	LTC	\$58,458,017	\$3.25	17,993,154 LTC	-0.37%	4.65%	-1.02%	...
3	Namecoin	NMC	\$5,251,485	\$0.930356	5,644,600 NMC	-2.32%	-1.64%	8.05%	...
4	Peercoin	PPC	\$3,612,499	\$0.189542	19,059,134 PPC	-6.42%	-9.94%	-9.29%	...
5	Novacoin	NVC	\$1,225,595	\$4.31	284,444 NVC	-2.43%	3.43%	18.24%	...
6	Devcoin	DVC	\$915,607	\$0.000202	4,542,720,000 DVC	-0.82%	1.54%	-1.00%	...
7	Terracoin	TRC	\$842,449	\$0.312343	2,697,190 TRC	-3.42%	-9.58%	-12.35%	...
8	Freicoin	FRC	\$687,220	\$0.032703	21,014,232 FRC	-1.19%	5.72%	-5.50%	...
9	Feathercoin	FTC	\$654,331	\$0.098775	6,624,450 FTC	-2.47%	-5.59%	-21.17%	...
10	CHNCoin	CNC	\$374,915	\$0.073414	5,106,866 CNC	-2.95%	-1.54%	-22.36%	...

Grafik 6.1: Senarai Top 10 Altcoin pada 25 Mei 2013

Historical Snapshot - 23 May 2015

Market Cap: Price: Volume (24h):

USD ← Previous Week Next Week → View All

#	Name	Symbol	Market Cap	Price	Circulating Supply	Volume (24h)	% 1h	% 24h	% 7d	...
1	Bitcoin	BTC	\$3,420,840,510	\$240.95	14,197,150 BTC	\$11,508,005	-0.13%	0.75%	1.78%	...
2	XRP	XRP	\$217,270,749	\$0.006809	31,908,551,587 XRP *	\$149,015	0.01%	0.09%	7.76%	...
3	Litecoin	LTC	\$71,989,262	\$1.83	39,313,304 LTC	\$1,725,070	0.35%	1.85%	25.83%	...
4	Dash	DASH	\$15,646,536	\$2.80	5,395,176 DASH	\$49,767	-0.37%	0.71%	-0.74%	...
5	BitShares	BTS	\$15,416,222	\$0.006137	2,511,953,117 BTS *	\$112,928	-1.28%	2.96%	69.10%	...
6	Stellar	XLM	\$15,096,535	\$0.003121	4,837,097,406 XLM *	\$25,015	0.25%	3.48%	21.83%	...
7	Dogecoin	DOGE	\$14,262,196	\$0.000143	99,537,422,819 DOGE	\$239,172	0.03%	4.71%	24.67%	...
8	Nxt	NXT	\$11,946,450	\$0.011946	999,997,096 NXT *	\$46,474	-0.89%	0.16%	29.10%	...
9	Banx	BANX	\$8,390,076	\$1.47	5,708,331 BANX *	\$13,862	-0.15%	0.75%	1.78%	...
10	MaidSafeCoin	MAID	\$8,374,910	\$0.018506	452,552,412 MAID *	\$1,366	-0.32%	0.06%	-2.05%	...

Grafik 6.2: Senarai Top 10 Altcoin pada 23 Mei 2015

Seperti yang anda boleh lihat, Namecoin, Peercoin, Novacoin, Devcoin, Terracoin, Freicoins, Feathercoin dan CHNCoin sudah hilang dalam grafik 35.2! Dalam kata lain, lapan daripada 10 *coin* teratas pada tahun 2013 sudah terkeluar dari senarai dua tahun kemudian!

Historical Snapshot - 27 May 2017

Market Cap: All Price: All Volume (24h): All

USD ← Previous Week Next Week → View All

#	Name	Symbol	Market Cap	Price	Circulating Supply	Volume (24h)	% 1h	% 24h	% 7d
1	Bitcoin	BTC	\$35,264,179,896	\$2,155.80	16,357,812 BTC	\$1,147,144,192	0.40%	4.48%	4.07%
2	Ethereum	ETH	\$15,689,184,270	\$170.51	92,012,788 ETH	\$717,970,688	0.87%	7.52%	8.28%
3	XRP	XRP	\$8,780,281,574	\$0.229554	38,249,335,400 XRP *	\$122,252,552	-0.32%	6.54%	-32.19%
4	NEM	XEM	\$1,873,133,674	\$0.206126	8,999,999,999 XEM *	\$19,679,902	1.01%	4.69%	-19.21%
5	Ethereum Classic	ETC	\$1,485,172,406	\$16.13	92,071,446 ETC	\$159,009,392	-1.21%	-1.00%	87.33%
6	Litecoin	LTC	\$1,242,754,871	\$24.22	51,309,682 LTC	\$377,036,528	-0.60%	0.83%	-7.14%
7	Dash	DASH	\$792,047,347	\$108.14	7,324,037 DASH	\$39,651,720	0.70%	7.19%	7.48%
8	Monero	XMR	\$535,614,122	\$36.84	14,537,914 XMR	\$19,020,306	-0.26%	9.73%	7.75%
9	Bytecoin	BCN	\$464,423,067	\$0.002539	182,950,636,434 BCN	\$5,675,339	-0.87%	1.86%	-35.67%
10	Golem	GNT	\$396,547,546	\$0.480738	824,872,000 GNT *	\$47,587,946	0.97%	40.83%	50.38%

Grafik 6.3: Senarai Top 10 Altcoin pada 27 Mei 2017

Cerita yang sama berulang kerana Bitshares, Stellar, Dogecoin, NXT, Banx dan MaidSafeCoin – enam daripada *coin* teratas pada tahun 2015 – sudah terkeluar daripada senarai dua tahun kemudian.

Historical Snapshot - 28 March 2020

Market Cap: All Price: All Volume (24h): All

USD ← Previous Week View All

#	Name	Symbol	Market Cap	Price	Circulating Supply	Volume (24h)	% 1h	% 24h	% 7d
1	Bitcoin	BTC	\$108,338,520,156	\$5,922.04	18,294,112 BTC	\$28,373,690,931	-0.18%	-4.81%	-0.12%
2	Ethereum	ETH	\$13,852,241,607	\$125.58	110,302,836 ETH	\$9,930,133,669	-0.38%	-3.81%	0.34%
3	XRP	XRP	\$7,193,114,648	\$0.163829	43,906,191,900 XRP *	\$1,996,124,443	-0.27%	-6.58%	7.75%
4	Tether	USDT	\$4,651,479,473	\$1.00	4,642,367,414 USDT *	\$35,069,971,228	0.27%	0.11%	0.12%
5	Bitcoin Cash	BCH	\$3,790,187,136	\$206.46	18,357,663 BCH	\$2,740,237,987	-0.10%	-3.50%	0.00%
6	Bitcoin SV	BSV	\$2,723,746,297	\$148.39	18,355,965 BSV	\$1,543,375,850	-0.96%	-5.29%	-7.80%
7	Litecoin	LTC	\$2,403,961,159	\$37.33	64,393,181 LTC	\$2,683,734,233	-0.18%	-3.70%	3.18%
8	EOS	EOS	\$1,963,629,844	\$2.13	921,347,741 EOS *	\$1,959,002,041	-0.12%	-3.46%	-1.43%
9	Binance Coin	BNB	\$1,779,529,888	\$11.44	155,536,713 BNB *	\$218,854,042	0.03%	-5.84%	1.05%
10	Tezos	XTZ	\$1,043,564,077	\$1.48	705,020,740 XTZ *	\$70,247,678	-1.38%	-5.32%	-2.14%

Grafik 6.4: Senarai Top 10 Altcoin pada 28 Mar 2020

Lagi sekali ceritanya berulang kerana NEM, Ethereum Classic, Dash, Monero, Bytecoin dan Golem – enam daripada *coin* teratas pada tahun 2017 – sudah terkeluar daripada senarai tersebut pada tahun 2020.

Saya perlu terangkan yang ini tidak bermakna yang *coin-coin* yang terkeluar daripada senarai Top 10 ini hilang atau pupus. Mereka masih wujud. Mereka cuma terkeluar daripada senarai dan tempat mereka digantikan oleh *coin-coin* lain yang lebih popular.

Saya pasti cerita yang sama akan berulang dalam senarai Top 10 dua tahun lagi. Beberapa *coin* yang berada dalam senarai Top 10 tahun 2020 ini akan digantikan oleh *coin-coin* baru yang lebih *power*, lebih canggih dan lebih popular.

Jadi dunia Altcoin ini memang teramat bergelora. *Coin* yang begitu hebat pada satu ketika boleh jatuh nilainya dengan cepat dalam sedikit masa sahaja. Tambahan pula jika teknologi *coin* tersebut tidak secanggih *coin-coin* lain.

Ciri kedua dan yang lebih menyedihkan ialah lebih 50% daripada Altcoin yang diterbitkan tidak mempunyai kelebihan sementara banyak yang lain tidak mempunyai kegunaan yang nyata. (Sebenarnya situasi ini tidaklah begitu mengejutkan memandangkan sesiapa sahaja boleh menerbitkan Altcoin. Saya pasti mesti ada kumpulan-kumpulan tertentu yang cepat-cepat menerbitkan Altcoin walaupun *coin* tersebut tidak mempunyai kelebihan ataupun kegunaan langsung. Mereka hanya mengambil peluang untuk buat duit daripada demam *crypto* ini.)

Jadi walaupun *coin-coin* begini ialah *coin* yang sah (bukan *scam*), susah untuk mereka mengekalkan nilai yang tinggi memandangkan banyak *coin* lain yang boleh menawarkan teknologi yang lebih canggih serta penggunaan yang lebih penting atau luas. Walaupun usaha-usaha *marketing* boleh menyebabkan nilai *coin-coin* begini meningkat buat seketika, lambat laun cerita yang sebenarnya akan terbongkar juga. Dan apabila cerita itu terbongkar, nilai *coin-coin* ini akan jatuh. Mungkin perlahan, mungkin laju. Apa yang pasti ialah nilainya akan jatuh. Akhirnya, mereka akan menjadi apa yang dikelaskan sebagai ‘*dead coins*’ atau bahasa kasarnya, ‘*shit coins*’!

Coin Name	Coin Code	Summary	Link	Category
FRIENDZ (FDZ)	FDZ	Coin value under 90% and falling, zero market volume	friendz.io	Deceased
BITPUL	BITPUL	BITPUL		Deceased
NTS	Nauticus Exchange	Exited in July 2019	nauticus.exchange	Deceased
Gifcoin	GIF	the ico has been running for 2 years and is ...	gifcoin.io	Deceased
PBP	PBP	PBP	bitblkear.com	Deceased
CaixaPay	CXP	This coin originally started as TravelFlex (TRF) then converted to ...	caixapay.com	Deceased
russiacoïn	rsn	do not exist no more		Deceased
leacoïn	lea	coin created by an anonymous for her daughter .		Deceased

Grafik 6.5: Senarai (Pendek) *Dead Coins*

Malah, ramai pakar *crypto* berpendapat yang dunia Altcoin ini tidak lama lagi akan melalui proses pencucian di mana kebanyakan daripada *dead coins* dan *shit coins* ini akan betul-betul pupus – mereka tidak diniagakan, tidak disenaraikan di mana-mana *exchange* dan malah terus hilang! *Coin* yang tinggal hanyalah *coin* yang betul-betul mempunyai kegunaan dan yang popular. (Saya tidak ada masalah apabila semua ini berlaku kerana inilah situasi yang kita semua idamkan!)

Lagi satu realitinya ialah kita akan tetap menghadapi cabaran sebagai pengguna dan pelabur individu. Realitinya, risiko wujud dalam setiap pelaburan – saham, hartanah, emas dan juga *cryptocurrency*. Ini tidak boleh dielakkan. Tetapi risiko yang wujud dalam dunia Altcoin berganda. Ianya seolah-olah anda perlu memakai topi dan tali pinggang keledar untuk melabur dalam Altcoin!

Berita baiknya adalah semua itu sebenarnya bukan masalah kerana ilmu merupakan topi dan tali pinggang keledar anda!

Teruskan bacaan ke Bab yang berikut.

7. JIKA ANDA MELABUR DALAM ALTCOIN

Jika anda menurut langkah saya serta klien-klien saya dan melabur dalam Altcoin terpilih (termasuk mereka yang menggunakannya sebagai sistem pembayaran semata), saya ingin mengucapkan tahniah! Selamat datang ke dunia Altcoin.

Saya ingin menceritakan pengalaman saya supaya anda lebih memahami dan menghargai apa yang telah dan akan berlaku apabila anda melabur dalam Altcoin.

Saya mengaku yang saya berasa begitu teruja semasa saya mula-mula melabur di dalamnya. Saya tahu saya melabur di dalam satu produk yang unik dan baru; saya melangkah ke alam yang baru, yang menarik, yang mengujakan dan dalam masa yang sama, penuh dengan pancaroba. Banyak benda baru yang saya pelajari dan banyak lagi yang perlu dipelajari.

Saya juga gembira kerana dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam revolusi *cryptocurrency* ini. Saya turut memainkan peranan (walaupun kecil) untuk sama-sama memelopori instrumen ini, menjadikannya lebih berguna, lebih popular dan lebih diterima oleh masyarakat. Saya tahu yang Altcoin terpilih ini akan membawa banyak kebaikan kepada masyarakat dan dalam masa yang sama, membolehkan kita membina kekayaan.

Dalam masa yang sama juga, saya tahu alam ini mempunyai banyak cabaran. Saya terima fakta yang kita sedang melangkah ke alam baru yang belum diterokai oleh manusia dan dunia. Jadi banyak cabarannya dan banyak rintangannya. Dan sudah tentu kita akan melakukan kesilapan dalam perjalanan ini.

Tetapi dengan ilmu, pengalaman, kesabaran dan disiplin diri, saya juga tahu yang perjalanan ini pasti menjadi lebih berhasil.

Realitinya, nilai Altcoin tidak akan naik dan terus naik sahaja. Sepertimana pelaburan lain – hartanah, emas, perak dan saham – nilainya akan naik dan juga akan turun.

Salah satu fakta yang menyebabkan nilai Altcoin naik turun secara ketara adalah kerana ianya produk yang baru dan satu dunia masih kabur tentangnya. Ada negara yang menerima Altcoin sebagai mata wang, ada yang mengharamkannya sementara kebanyakan yang lain berkecuali (mereka tidak menerima Altcoin sebagai mata wang tetapi tidak mengharamkan penggunaan Altcoin). Jadi situasi ini sudah tentu akan memberi kesan kepada prestasi Altcoin terutamanya apabila sesebuah negara maju menukar polisinya tentang Altcoin. Sebagai contoh, jika negara China mula menerima Altcoin, nilai Altcoin sudah tentu akan naik.

Poin yang kedua adalah kerana ianya Altcoin, setiap insiden naik turun itu akan mendapat liputan media massa secara besar-besaran. Dan malangnya kebanyakan berita yang terbit tentang Altcoin adalah yang sensasi dan yang buruk. Jadi cerita tentang Altcoin yang diketahui ramai ialah tentang nilainya yang naik turun dengan mendadak, insiden-insiden *hacking* dan ianya menjadi mata wang kegemaran penjahat.

Sebagai contoh, Bank Pusat China telah mengharamkan ICO dan juga transaksi semua *cryptocurrency* di negara itu pada 4 September 2017. Berita ini telah mendapat liputan media massa yang meluas di serata dunia. Ini mengakibatkan nilai Bitcoin jatuh 4% sementara nilai Ethereum jatuh 11%.

Tetapi sebenarnya berita ini bukan satu insiden besar untuk Altcoin. Ini adalah kerana semua *cryptocurrency* telah lama diharamkan di China, jadi ini bukan satu berita baru.

Orang yang tidak tahu maklumat dalam perenggan di atas mungkin akan panik lalu terus menjual Altcoin mereka. Orang yang dulunya hendak melabur dalam Altcoin pula mungkin akan membatalkan hajat mereka. Mereka takut nilainya akan terus jatuh malahan takut Altcoin akan terus hilang dari muka dunia! (Sebagai maklumat tambahan, China juga telah lama mengharamkan Facebook, Instagram, Twitter dan Google! Apa yang menariknya ialah keempat-empat servis ini bukan sahaja masih beroperasi dengan gagahnya di dunia, malahan ianya semakin membesar!)

Itulah sebabnya saya memulakan buku ini dengan menceritakan konsep Altcoin supaya anda faham mengapa Altcoin dicipta. Jika anda faham konsep Altcoin terpilih – sistem elektronik *peer-to-peer* yang telus, cepat, efisien, efektif yang boleh menangani masalah tertentu – maka anda sudahpun menang separuh pertempurannya. Anda tidak akan gusar setiap kali berita negatif tentang Altcoin terbit di media massa. Anda tidak akan panik dan anda tidak akan jual Altcoin anda. Sebenarnya kebanyakan berita itu hanyalah seperti gema bising tin kosong sahaja.

Cerita-cerita positif tentang Altcoin tidak begitu diketahui ramai. Tidak ramai orang yang tahu ianya percuma, efektif, efisien, cepat, mudah dan telus. Tidak ramai orang yang tahu ianya sistem pembayaran yang lebih baik daripada mata wang kertas yang wujud sekarang. Dan tidak ramai orang yang tahu yang Altcoin boleh menangani banyak masalah yang menghantui mereka.

Jadi ianya menjadi ‘tugas’ kita – saya, anda dan pengguna-pengguna Altcoin yang lain – untuk bersama-sama memelopori *cryptocurrency* ini. Ianya menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk bersama-sama menjadikannya lebih berguna, lebih diterima, lebih popular dan seterusnya lebih bernilai.

Dalam masa yang sama, anda perlu terima yang Altcoin ialah produk yang baru serta lain daripada yang lain. Dan salah satu sifat Altcoin ialah nilainya adalah lebih rancak (buat masa ini) daripada kebanyakan pelaburan yang lain. Oleh sebab sifatnya begitu, kita terima sahajalah. Kita tidak perlu gusar apabila nilainya naik turun 10% atau 20% dalam masa seminggu. Itu perkara biasa dalam dunia Altcoin.

Lagipun idea yang kejatuhan nilai 10% atau 20% akan menyebabkan Altcoin lenyap dari muka dunia adalah sama peliknya dengan idea internet akan runtuh kerana satu atau dua laman web telah digodam. Sepertimana yang kita tahu, internet tetap akan wujud dan beroperasi seperti biasa walaupun semua laman web di Malaysia digodam pada masa yang sama.

Satu hari nanti, nilai Altcoin mungkin merudum 20% atau 30% dalam masa tiga hari! Apabila insiden ini berlaku, anda tidak perlu terkejut, hairan, sedih, menangis, panik dan yang paling utamanya, jual Altcoin anda. Anda tidak usah gentar walaupun berita yang dipaparkan satu dunia memberi imbasan yang Altcoin akan berkubur esok hari. Anda tahu situasi itu tidak akan berlaku. Realitinya Altcoin akan kekal dan malah penggunaannya akan terus berkembang.

Jadi tenangkan fikiran anda.

Inilah pengorbanan yang diperlukan dalam dunia *cryptocurrency*.

Jadi pasangkan tali pinggang keledar anda, cekalkan hati dan sama-sama kita menuju ke arah kejayaan.

8. BERAPA BANYAK WANG YANG PATUT ANDA LABURKAN DALAM ALTCOIN?

Pertamanya, anda perlu ambil perhatian yang soalan dan jawapan ini ialah berkenaan *pelaburan* dalam Altcoin. Jika anda ingin menggunakan Altcoin sebagai *sistem pembayaran*, maka jawapan ini tidak boleh diguna pakai kerana anda boleh beli sebanyak mana Altcoin yang anda mahu atau perlu!

Jadi sekarang kita tiba di soalan cepumasnya: berapa banyak wang yang patut anda laburkan dalam Altcoin (terpilih)?

Saya akan jawab soalan ini *straight to the point* – laburkan hanya setakat mana yang anda sanggup hadapi sekiranya kehilangan kesemua wang tersebut!

Ya, itulah jawapannya. Saya ulang, ya – laburkan hanya setakat mana yang anda sanggup kehilangan semua wang tersebut.

Jadi jika anda tidak sanggup melihat kesemua wang itu hilang, jangan melabur dalam Altcoin.

Jika anda tidak mempunyai dana rizab bernilai sekurang-kurangnya enam bulan perbelanjaan, jangan melabur dalam Altcoin.

Jika anda belum memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah, jangan melabur dalam Altcoin.

Jika anda terpaksa menggunakan wang susu anak, jangan melabur dalam Altcoin.

Dalam kata lain, keadaan kewangan anda perlulah stabil dulu sebelum anda layak untuk melabur dalam Altcoin. Dan wang yang dilaburkan itu memang wang ‘lebih’! Malah ianya mungkin boleh menolong jika anda pandang wang yang dilaburkan dalam Altcoin itu sebagai *play money*. Atau wang lebih yang memang anda khususkan untuk berspekulasi.

Jika anda kehilangan kesemua wang tersebut maka wang itu hilanglah. “Nak buat macam mana? Dah nasib, kan?” Anda sudah tentu bersedih tetapi kehidupan anda akan berjalan seperti biasa.

Jadi saya ulang sekali lagi: hanya laburkan ke setakat yang anda sanggup hadapi sekiranya kehilangan semua wang tersebut.

“Mengapa pula begitu jawapannya? Bukankah anda begitu yakin akan Altcoin terpilih ini, Tuan Azizi?” anda bertanya.

Ya, saya memang yakin dengan Altcoin yang terpilih ini. Dan seperti yang anda tahu, keyakinan itu bukan timbul secara tiba-tiba dan bukan kerana mendengar khabar angin. Saya yakin kerana saya sudah buat kajian yang menyeluruh tentangnya (buktinya ialah buku ini, dan ehem, wang yang telah saya laburkan dalam Altcoin (terpilih) ini).

Tetapi saya sedar dan tahu bahawa saya juga boleh silap.

Dan saya pernah silap dalam bisnes dan juga pelaburan sebelum ini. Ada satu dua produk dan pelaburan di mana saya begitu yakin mereka akan meletup. Tetapi mereka gagal.

Itulah satu sebabnya mengapa saya menasihati anda supaya mengehendkan pelaburan Altcoin anda hanya setakat yang anda sanggup hadapi jika kehilangan semua wang tersebut.

Sebab yang keduanya adalah kerana saya seorang Chartered Financial Consultant (ChFC) dan juga Islamic Financial Planner (IFP). Saya rasa tidak ada seorang pun ChFC atau IFP yang akan mengesyorkan anda untuk melabur dalam Altcoin – terpilih atau tidak! Situasi ini adalah kerana Altcoin tidak layak dilabelkan sebagai satu pelaburan mengikut definisi tradisionalnya. Lagipun, Altcoin merupakan produk yang baru, begitu tidak menentu, tidak ada nilai intrinsik, tidak itu dan tidak ini. Dan semua itu akan membatalkan Altcoin sebagai satu pelaburan.

Dan oh ya, mereka tidak akan mengesyorkan anda untuk melabur dalam Altcoin sebab mereka tidak mahu dipersalahkan jika nilai Altcoin jatuh merudum suatu hari nanti!

Dan akhirnya, pakar-pakar Altcoin sendiri menasihati orang ramai supaya mengehendkan jumlah wang untuk dilaburkan dalam Altcoin ke satu tahap yang anda sanggup hadapi jika kehilangan semua wang tersebut. Jadi pakar-pakar ini pun sedar yang mereka sedang maju ke arah satu kawasan yang belum pernah diterokai oleh manusia lagi. Jadi banyak cabaran, banyak halangan dan banyak bahayanya.

Kesimpulannya, anda patut memandang wang yang dilaburkan dalam Altcoin itu sebagai *play money* atau wang untuk berspekulasi semata. Jika hilang, maka ia hilang.

Tetapi jika ia boom, ia akan memberikan pulangan *supernova*!

9. BELAJAR MELABUR KETIKA ALTCOIN TIDAK POPULAR

Jika anda ingin menjadi seorang pelabur yang berjaya, anda perlu belajar untuk melabur ketika sesuatu pelaburan itu kurang popular. Maksud kurang popular di sini adalah ketika pelaburan tersebut tidak mendapat banyak liputan media massa dan tidak menjadi sebutan ramai. Sebenarnya, waktu ini adalah antara masa-masa yang terbaik untuk melabur kerana harga pelaburan tersebut pada masa itu selalunya rendah. Jadi apabila anda melabur pada waktu itu, anda akan mendapat jumlah unit pelaburan yang lebih banyak.

Petua ini boleh diguna pakai untuk semua jenis pelaburan termasuklah Altcoin juga.

Dalam masa yang sama, saya juga tahu petua ini merupakan petua pelaburan yang amat susah untuk dipraktikkan!

Apabila anda mempraktikkan petua ini, anda bagai melawan arus kerana anda seorang sahaja yang melabur! Orang lain tidak melabur di dalam pelaburan tersebut malahan ramai juga orang yang tidak tahu langsung tentang pelaburan tersebut. Saya juga tidak akan terkejut jika ada hamba Allah yang menggelengkan kepala melihat anda membuat pelaburan tersebut. Maklumlah, pelaburan tersebut tidak popular pada waktu itu. Jadi mereka pun hairan mengapa anda melabur di sana.

Itulah sebabnya saya menulis anda perlu belajar untuk untuk melabur ketika sesuatu pelaburan itu kurang popular. Kerana ianya bukan reaksi yang normal atau yang biasa dibuat orang.

Kebanyakan orang akan melabur setelah mendengar atau membaca berita tentang pelaburan tersebut. Mereka akan turut sama melabur setelah melihat ramai orang berpusu-pusu melabur. Dalam kata lain, mereka melabur di dalam produk yang sedang popular.

Dan selalunya, nilai produk yang sedang popular itu adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga sewaktu ianya kurang popular.

Jadi belajar mempraktikkan petua ini. Ianya boleh menjadi salah satu petua pelaburan yang paling penting yang akan anda pelajari.

10. JANGAN PINJAM WANG UNTUK MELABUR

Saya telah membaca lebih 1,000 buah buku yang kebanyakannya berkisar tentang kewangan. Saya boleh mengesahkan yang tidak ada satu buku pun yang menyarankan kita untuk meminjam wang untuk tujuan membuat pelaburan (kecuali untuk membeli hartanah). *Yes, not a single book recommends us to borrow money to make investments!*

Saya juga percaya yang tidak ada mana-mana kolej atau universiti di dunia ini pun yang menyarankan kita untuk meminjam wang untuk membuat pelaburan.

Malah saya berani membuat rumusan mereka yang menyarankan kita untuk meminjam wang untuk membuat pelaburan adalah kerana mereka:

- a) tidak pernah membaca buku tentang pelaburan,
- b) menjual pelaburan tersebut, ataupun,
- c) penjual pelaburan yang tidak pernah membaca buku tentang pelaburan!

Jadi poin yang saya ingin kongsi di sini adalah untuk tidak meminjam wang untuk melabur dalam Altcoin.

Mengapa tidak?

Ini adalah kerana pulangan daripada pelaburan, termasuklah dalam Altcoin, tidak menentu. Dan apabila kita meminjam wang untuk melabur, kita menambah risiko tersebut.

Sudah tentu ada orang yang buat duit dengan wang pinjaman. Tetapi bagi setiap orang yang buat duit, 99 yang lain menanggung beban sebesar dinosaur T-Rex untuk membayar balik wang yang dipinjam itu. Jadi jangan jadi salah seorang daripada 99 tersebut.

Jika anda tidak ada atau tidak cukup duit untuk melabur, ini jawapannya – duduk rumah senyap-senyap!

11. JANGAN LABURKAN SEMUA WANG ANDA DALAM CRYPTO

Salah satu konsep fundamental dalam pelaburan ialah *diversification*. *Diversification* bermaksud kita melabur dalam instrumen dan produk pelaburan yang berbeza. Sebagai contoh, kita agihkan wang kita dalam pelaburan yang berbeza. Ini termasuklah hartanah, saham, unit amanah, emas dan *cryptocurrency*.

Jadi kita tidak melabur semua wang yang kita ada dalam satu produk sahaja, umpamanya melabur semuanya dalam saham.

“Mengapa tidak?” Anda mungkin bertanya. “Bukankah strategi ini akan memberikan pulangan yang besar jika nilai saham itu naik?”

Betul, anda akan mengaut untung yang besar jika nilai saham itu naik.

Tetapi jangan lupa yang nilai saham itu juga boleh jatuh! Malah ianya boleh merudum hingga ke kosong! Jika situasi ini berlaku, dan ianya memang boleh berlaku, anda akan menanggung kerugian yang teramat teruk. Anda mungkin menangis sampai keluar air mata darah!

Itulah sebabnya kita perlu mempraktis *diversification* – supaya kejatuhan nilai mana-mana pelaburan tidaklah memberi kesan buruk yang ketara kepada kita. Kerugian, jika ada, tidaklah menjejaskan situasi kewangan kita dengan teruk.

Anda tidak perlu was-was tentang konsep ini kerana bukan saya yang menciptanya! Bukan saya seorang sahaja yang mencanangkan konsep *diversification* ini, malah pakar-pakar kewangan di serata dunia dulu, sekarang dan esok juga turut mencanangkan konsep ini!

Saya ingin berkongsi cerita yang betul-betul berlaku pada awal tahun 2020. Situasi dunia agak tenang dan tenteram sebelum itu. Pasaran saham satu dunia termasuk di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan juga Malaysia beroperasi seperti biasa.

Pada awal bulan Mac, barulah terbit berita yang wabak Coronavirus atau Covid-19 yang bermula dari negara China adalah lebih serius daripada yang dijangkakan. Berita juga memaparkan yang wabak itu sudah merebak hampir ke semua negara di dunia. Rakyat di Sepanyol, Itali, Perancis, United Kingdom dan juga Malaysia diarahkan untuk duduk di rumah masing-masing. Jumlah jangkitan virus telah mencapai 270,000, dan lebih daripada 11,000 orang telah terbunuh di seluruh dunia.

Berita ini mengakibatkan pasaran saham satu dunia jatuh menjunam dalam masa beberapa hari sahaja. Indeks Dow Jones di Amerika Syarikat jatuh lebih 31%, FTSE di United Kingdom jatuh 34%, sementara indeks Nikkei di Jepun jatuh 28% dari paras tertinggi semasa saya menulis buku ini. Bersama-sama kejatuhan itu, wang bernilai lebih \$27 trilion hilang dibawa angin lalu!

Apa yang peliknya, nilai *cryptocurrency* yang sepatutnya naik (dan memang tengah naik sebelum berita itu terbit) turut sama menjunam! Walaupun semua petanda termasuklah daripada *technical analysis* berkata nilai *cryptocurrency* akan naik, semuanya termasuk Bitcoin dan Ethereum jatuh nilai lebih 50% dalam masa beberapa hari sahaja.

Mungkin inilah salah satu peristiwa *Black Swan* yang disebut-sebut oleh Nassim Nicholas Taleb!

Nasib baiklah nilai hartanah di Malaysia kekal.


Nasib baik jugalah nilai emas kekal. Dan kerana nilai emas telah meningkat lebih 180% dalam tempoh setahun yang lepas, mereka yang memiliki hartanah dan emas bolehlah bernafas sikit jika dibandingkan dengan mereka yang melabur dalam saham dan *cryptocurrency* semata. (Sudah tentu juga hanya mereka yang melabur dalam hartanah dan emas yang bernasib baik ini! Nasib orang lain tidaklah begitu baik.)

Inilah kebaikan mempraktis *diversification*.

Jadi lagi sekali, pastikan anda juga melabur dalam instrumen dan produk pelaburan yang berbeza, dan bukan sahaja dalam Bitcoin dan Altcoin terpilih.

12. PENUTUP

Saya ingin menutup bagian ini dengan membicarakan mengenai model pemikiran/kehidupan yang diperkenalkan oleh Elisabeth Kubler-Ross pada tahun 1969. Model ini dipanggil '*five stages of grief*' dan ianya merangkapi lima peringkat emosi yang dialami oleh pesakit sebelum kematian, atau oleh mereka yang telah kehilangan orang yang disayangi. Lima peringkat emosi itu ialah penolakan, kemarahan, kemurungan, tawar-menawar dan akhirnya, penerimaan.



Grafik 12.1: *Five Stages Of Grief*

Apa yang menariknya ialah model ini boleh kita aplikasikan juga pada Bitcoin dan Altcoin! Atau lebih tepatnya, kita aplikasikan model ini kepada manusia dan reaksi mereka terhadap Bitcoin dan Altcoin.

Apabila mereka mula mendengar tentang Altcoin, ramai orang yang akan menolaknya. Reaksi ini tidak menghairankan memandangkan yang Altcoin bukan sahaja produk yang baru tetapi memperkenalkan konsep yang baru, pelik dan malah tidak masuk akal mereka! Jadi mereka ini bukan sahaja menolak Altcoin tetapi ada yang menjadi pengkritik Altcoin.

Apabila mereka melihat *cryptocurrency* mulai diterima oleh masyarakat, maka pengkritik semakin meluat dan kemudian berasa marah. Mereka mungkin bertanya, “Mengapakah

begitu ramai orang yang terpesona sangat dengan Altcoin ni? Mereka ini butakah? Takkan mereka tidak tahu yang semua Altcoin itu *scam*?”

Kemudiannya perasaan marah itu bertukar menjadi murung setelah mereka melihat perkembangan Altcoin. Di sebalik penolakan oleh dunia, Altcoin semakin berkembang! Jumlah *coin* bertambah setiap minggu dan lebih dahsyatnya, lebih ramai orang yang mula menerima dan menggunakannya! Jadi pengkritik diselubungi rasa murung: mereka rasa seperti mereka berlawan arus yang semakin lama semakin membesar!

Kemudian mereka tiba pada tahap tawar-menawar. Waktu inilah mereka mulai bertanya kepada diri sendiri, “Mungkin Altcoin mempunyai beberapa kebaikan? Mungkin Altcoin ada kegunaannya? Dan mungkin saya tersilap tentangnya?” Lalu mereka pun mula membuat kajian tentang Altcoin dengan membaca buku, menghadiri seminar, membaca artikel di internet, menonton video di YouTube dan sudah tentu bertanya kepada orang lain (harap-harapnya mereka bertanya kepada pakar dan bukan orang biasa-biasa!).

Akhirnya, mereka akan tiba pada tahap terakhir iaitu penerimaan. Setelah melihat perkembangan dan penerimaan Altcoin yang ketara oleh penduduk dunia, dan kerana mereka kini mempunyai ilmu yang cukup tentangnya, pengkritik pun menukar fikiran dan menerima Altcoin. Pada waktu ini, mereka mungkin akan menggunakannya sendiri, dan malahan ada yang akan menjadi aktivis Altcoin!

“Saya faham konsep di atas ini,” anda mungkin menyoal. “Tapi kita berada pada tahap mana di Malaysia sekarang?”

Jawapannya ialah tahapnya berbeza daripada satu individu ke individu yang lain.

Saya mengaku yang masih ramai penduduk Malaysia yang masih berada pada tahap penolakan dan kemarahan. Dan mereka ini bukan sahaja penduduk yang tinggal di kampung-kampung dan di pedalaman tetapi termasuk golongan terpelajar, bijak pandai, berpengaruh, terkenal dan elitis! Saya sendiri mengenali seorang dua pemegang PhD yang begitu gerun dengan Altcoin!

Ada kumpulan yang berada pada tahap kemurungan dan sekumpulan yang lain berada pada tahap tawar-menawar. Besar kemungkinan anda berada pada tahap tawar-menawar sekarang.

Hanya segelintir yang berada pada tahap penerimaan. Jika anda sudah memilik Altcoin, itu petanda yang anda berada pada tahap ini sekarang!

Jadi lagi sekali, tahapnya berbeza antara satu individu ke individu yang lain.

Tetapi apa pun tahapnya, apa yang pasti ialah Altcoin akan terus berkembang. Jumlah penggunaannya dan jumlah penerimaannya oleh dunia akan hanya meningkat pada hari-hari yang akan datang.

Sesiapa yang menolaknya dan sudah tentu sesiapa yang melawannya memang akan ditelan gelombang yang semakin besar ini.

Dan akhirnya, saya ingin meminjam kata-kata saya dalam penutup buku *Rahsia Bitcoin* di sini:

Memang benar Bitcoin dan Altcoin ‘hanyalah’ kod komputer. Fakta ini menjadi serangan utama para pengkritik *crypto*. Mereka bertanya, “Jadi bagaimana mungkin kod komputer mempunyai nilai? Aduh! Ini tak masuk akal, ya Pak?”

Jawapannya begini, Bung: kod komputer itu bukan sebarang kod. Ianya kod yang unik, *encrypted*, selamat dan kekal selama-lamanya. Dan kod itu membolehkan transaksi *crypto* dilakukan dengan selamat, cepat, mudah dan tanpa keperluan pihak ketiga.

Kod itu mempunyai nilai apabila kita menerimanya sebagai bernilai sebagai mana kita menerima kertas sebagai mata wang yang bernilai. *Jika satu dunia bersetuju ianya bernilai, maka kod komputer itu memang bernilai*. Dan dunia sudahpun bersetuju ianya mempunyai nilai pasaran Altcoin bernilai \$86 bilion pada waktu buku ini diterbitkan!

Realitinya, 100 tahun dari sekarang, cucu-cicit kita akan menjalani hidup seharian mereka dengan Altcoin – sebagai mata wang, sebagai pelaburan, sebagai tanda perjanjian, sebagai ini dan sebagai itu. Ianya akan menjadi sebahagian daripada peralatan kehidupan yang biasa, seperti internet pada hari ini.

Lebih utamanya, Altcoin bukan sahaja masa depan kita. Ianya wujud sekarang dan penggunaan serta penerimaannya akan terus-menerus berkembang dari sehari ke sehari.

Kini anda mempunyai pilihan – terima fakta ini dan melakukan sesuatu supaya anda boleh mendapat manfaat daripada perkembangan yang teramat menarik ini, atau teruskan kehidupan anda seperti semalam dan biarkan peluang ini berlalu.

Sebagai analoginya, kita mempunyai pilihan – sama ada untuk tenggelam ditelan gelombang yang semakin membesar atau kita boleh pergi meluncur di atas gelombang tersebut!

Saya menunggu anda di atas gelombang!

TENTANG PENULIS

Azizi Ali merupakan penulis, penceramah dan mentor kewangan #1 di Malaysia.

Buku pertama beliau, *Jutawan Dari Planet Jupiter* telah mengubah senario percetakan di Malaysia. Ianya telah terjual melebihi 300,000 naskhah dan menjadi penggerak kepada seminar dan buku kewangan di Malaysia. Sejak itu, Azizi telah menulis lebih daripada 35 buah buku berkenaan kewangan dan penciptaan kekayaan. Tajuk-tajuk buku beliau yang laris di pasaran ialah *Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah*, *Lahirnya Seorang Jutawan*, *Pesara Jutawan*, *Masa Untuk Emas*, *Maharaja Wang* dan *Rahsia Bitcoin*. Buku beliau turut diterbitkan di Indonesia dan juga Brazil. Buku-buku beliau juga dijual dalam bentuk eBook di Amazon.com.

Beliau telah memberi ceramah di hadapan lebih 500,000 peserta seminar dan kerap muncul di media massa. Antara organisasi yang telah menjemput beliau ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, LHDN, KWSP, CIMB, Eco-World, Tabung Haji dan Petronas.


Azizi merupakan pemegang Chartered Financial Consultant (ChFC), Islamic Financial Planner (IFP) dan juga memegang Ijazah Sarjana (MBA) dari University of Bath, UK.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Bitcoin,
sila log masuk ke laman web:



www.RahsiaBitcoin.my

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelaburan emas,
sila log masuk ke laman web:



www.RahsiaEmas.com

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang bisnes emas,
sila log masuk ke laman web:



www.RahsiaSuratPajak.com

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.
Sertai program Inner Circle sekarang!



www.InnerCircle.my

Sila layari www.BookPlanet.com.my untuk senarai penuh
buku-buku yang dapat membantu anda mencapai impian anda



www.BookPlanet.com.my